

02/10/1999

Pembangunan ekonomi Malaysia jadi model

Saodi Mat Atar in Victoria Fall (Zimbabwe)

VICTORIA FALL (ZINBABWE), Jumaat - Pengalaman Malaysia dalam menangani masalah dalam pembangunan ekonomi dijangka menjadi model apabila 18 ketua kerajaan memulakan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) ketiga di bandar kecil pelancongan di sini, Ahad ini.

Pengagihan kek ekonomi Malaysia yang tidak terhad kepada sesuatu kelompok akan dibincangkan supaya boleh diubah suai dan dilaksanakan di negara rantau Afrika ini, yang kegiatan ekonominya masih dimonopoli kelompok tertentu.

Tumpuannya adalah bagaimana sektor swasta boleh memainkan peranan lebih cergas dalam kerjasama dengan kerajaan bagi menggerakkan kegiatan ekonomi supaya turut diagihkan kepada penduduk kulit hitam.

Sehubungan itu, dalam dialog tiga hari itu, Malaysia mengemukakan dua pasukan gabungan kakitangan kerajaan dan swasta yang mengkhusus kepada pengalaman pemulihan ekonomi dan pengagihan kuasa ekonomi.

Kumpulan pertama dianggotai Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Ali Kadir dan Azman Yahya dari Danaharta.

Kumpulan terbabit banyak menjelaskan mengenai strategi Malaysia memulihkan ekonomi termasuk menerusi kekangan ke atas mata wang, ketika Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Julai lalu.

Pengerusi Kumpulan Eksekutif Bersama Said 1999, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata matlamat dialog kali ini adalah jelas menerusi temanya iaitu Memperkasakan Ekonomi Menerusi Perkongsian Pintar.

Katanya, Said berharap sektor swasta dapat mengenal pasti projek kerjasama di rantau ini bagi membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan mengagihkannya secara lebih teratur serta sama rata.

"Said ketiga ini sudah melangkah kepada tahap menggunakan pendekatan perkongsian bijak dalam sesuatu isu ekonomi di rantau ini. Kita akan menawarkan pengalaman Malaysia sama ada dalam pemulihan ekonomi mahupun memperkasakannya dengan pengagihan lebih adil.

"Matlamat kita (Malaysia) ialah supaya pengalaman kita dijadikan model bagi diubah suai demi faedah bukan satu negara, tetapi semua negara di rantau Afrika Selatan ini," katanya.

Beliau yang terbabit secara langsung dengan persiapan Said 99 bercakap kepada wartawan Malaysia berhubung matlamat dialog kali ini dan pencapaiannya selepas dua pertemuan sebelum ini iaitu di Kasane, Botswana (1997) dan Swakopmund di Namibia (1998).

Dialog kali ini akan dihadiri 14 ketua kerajaan negara Afrika Selatan dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kira-kira 400 kakitangan perkhidmatan awam mahupun swasta dari pelbagai negara termasuk United Kingdom, Amerika, Perancis, Ghana, Kenya dan Uganda dijangka menghadiri pertemuan di Elephant Hill itu.

Semua sesi dialog itu akan dilangsungkan dalam khemah di kawasan pelancongan yang terkenal dengan Air Terjun Victoria dengan ketinggian 100 meter dan boleh dilihat dari jarak 70 kilometer.

Dr Mahathir yang dijadualkan tiba dari London petang esok, dijangka menjadi tumpuan apabila menyampaikan ucapan di dialog itu berikutan kemampuan Malaysia mengatasi masalah tekanan mata wang dengan cara sendiri.

Malah, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, sebagai tuan rumah sudah menyatakan minatnya untuk menggunakan formula Malaysia kerana negaranya

turut menerima tekanan hebat manipulasi pasaran wang.

Dr Omar yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata dari segi memperkasa ekonomi, pengalaman Malaysia mengagihkan ekonomi kepada Bumiputera melalui perancangan teratur dan peranan pelbagai agensi akan turut dibentangkan kepada peserta Said.

Menurutnya, ia meliputi perancangan unit penyelarasan pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri dan Mara serta agensi lain menerusi Dasar Ekonomi Baru.

Selain itu, beliau difahamkan Zimbabwe selaku tuan rumah, sudah menubuhkan sebuah pasukan bagi mengadakan dialog dua hala dengan kumpulan dari Malaysia mengenai perkara berkenaan.

Katanya, Zimbabwe juga akan menghantar pasukannya ke Malaysia bagi mengadakan pertemuan dengan pelbagai agensi pembangunan untuk mendapatkan penjelasan secara terperinci.

(END)